



GARIS PANDUAN PERMOHONAN TAMBAH BIDANG LESEN PERNIAGAAN PENGENDALIAN PELANCONGAN LUAR NEGERI BAGI UMRAH ATAU ZIARAH

1. Syarat-syarat permohonan

- (a) Syarikat Sendirian Berhad yang mempunyai lesen sah di bawah Akta Industri Pelancongan 1992 [*Akta 482*] berikut ketika memohon:
- i. Perniagaan Pengendalian Pelancongan Dalam Negeri;
 - ii. Perniagaan Pengendalian Pelancongan Luar Negeri Selain Umrah Atau Ziarah; dan
 - iii. Perniagaan Agensi Pengembaraan.

Nota:

Syarikat yang ingin memohon tambah bidang lesen Perniagaan Pengendalian Pelancongan Luar Negeri Bagi Umrah Atau Ziarah diwajibkan mempunyai ketiga-tiga bidang di atas.

- (b) Syarikat tidak membuat sebarang perubahan struktur syarikat seperti perubahan Ahli Lembaga Pengarah/ Pemegang Saham/ Nama Syarikat/ Lokasi/ Modal Berbayar **TANPA** kelulusan Pesuruhjaya Pelancongan.
- (c) **Syarikat tiada sebarang kompaun** yang tertunggak di bawah Akta Industri Pelancongan 1992 [*Akta 482*] atau Akta Pelesenan Kenderaan Pelancongan 1999 [*Akta 594*] (Sabah, Sarawak dan WP Labuan).
- (d) Syarikat **tiada sebarang tunggakan "award"** di Tribunal Tuntutan Pengguna Malaysia (TTP).
- (e) Syarikat tidak berada dalam tempoh penggantungan atau syarikat yang disenarai hitam oleh MOTAC semasa permohonan dibuat.
- (f) Ahli Lembaga Pengarah **dan** Pemegang Saham syarikat hendaklah terdiri daripada **WARGANEGARA MALAYSIA dan** beragama **ISLAM**.
- (g) Pegangan ekuiti syarikat **HENDAKLAH 100%** dimiliki oleh warganegara Malaysia yang beragama Islam SAHAJA. (Sekiranya terdapat pegangan saham dimiliki oleh entiti berstatus Sendirian Berhad/ Berhad dsb, maka semua pemilik saham sehingga pegangan yang terakhir perlu mengemukakan sesalinan e-Info SSM dan kad pengenalan).
- (h) Ahli Lembaga Pengarah atau Pemegang Saham **hendaklah** menghadiri Kursus Pemantapan Pengendalian Umrah (KPPU) yang dianjurkan oleh mana-mana Institut Latihan Pelancongan (ILP) yang berdaftar dengan MOTAC sebelum mengemukakan permohonan.

Nota:

Adalah menjadi tanggungjawab syarikat untuk menghadiri KPPU sebelum tamat tempoh sijil (tempoh sah sijil adalah 3 tahun dari tarikh hadir kursus).

- (i) Sekiranya Ahli Lembaga Pengarah atau Pemegang Saham merupakan kakitangan kerajaan/ badan berkanun yang sedang berkhidmat, beliau hendaklah **TERLEBIH DAHULU** mendapatkan kebenaran dari Ketua Jabatan.
- (j) Syarikat, semua Ahli Lembaga Pengarah dan semua Pemegang Saham syarikat hendaklah bebas dari kebangkrapan **DAN** insolvensi daripada Jabatan Insolvensi Malaysia.
- (k) Syarikat hendaklah memastikan tiap-tiap jemaah dilindungi oleh polisi takaful secara **INDIVIDU DAN BUKAN BERKELOMPOK** yang merangkumi semua aspek perlindungan di bawah:
 - i. Kemalangan diri ke atas jemaah;
 - ii. Kos rawatan perubatan sepanjang perjalanan;
 - iii. Penghantaran balik jemaah disebabkan kesihatan; dan
 - iv. Pengurusan jenazah.
- (l) Menyediakan dokumen-dokumen lain sebagaimana yang dikehendaki oleh Pesuruhjaya Pelancongan bagi tujuan memproses permohonan.

2. Dokumen yang wajib disediakan

- (a) Borang Permohonan Tambah Bidang Perniagaan Pengendalian Pelancongan Luar Negeri Bagi Umrah Atau Ziarah (Borang BU/1)
- (b) E-info SSM yang terkini (tarikh cetakan dokumen sekurang-kurangnya 14 hari dari tarikh permohonan).
- (c) Maklumat perbankan:
 - i. Muka hadapan penyata akaun semua bank atas nama syarikat yang memohon.
 - ii. *Director Resolution* bagi semua akaun yang dibuka atas nama syarikat yang memohon.
- (d) Salinan kad pengenalan berwarna yang diakui sah oleh penjawat awam dari Kumpulan Pengurusan dan Professional Gred 41 dan ke atas **ATAU** Penghulu/ Ketua Kampung **ATAU** Pesuruhjaya Sumpah bagi semua Ahli Lembaga Pengarah dan Pemegang Saham Syarikat.
- (e) Salinan sijil KPPU yang sah bagi tempoh tiga (3) tahun terkini.
- (f) Cadangan Pakej Umrah atau/ dan Ziarah yang semua kategori/ kelas/ peringkat yang akan ditawarkan.

- (g) Sesalinan sijil keahlian MATTA atau BUMITRA yang masih sah bagi tahun semasa permohonan dibuat.
- (h) Salinan surat kebenaran Ketua Jabatan untuk kakitangan kerajaan/ badan berkanun (sekiranya berkaitan).
- (i) Sesalinan carian status kebangkrapan Jabatan Insolvency Malaysia yang terkini (sekurang-kurangnya 30 hari dari tarikh permohonan) bagi semua Ahli Lembaga Pengarah dan Pemegang Saham.
- (j) Sesalinan carian status penggulungan syarikat Jabatan Insolvency Malaysia yang terkini (sekurang-kurangnya 30 hari dari tarikh permohonan) bagi syarikat.
- (k) Salinan lesen Perniagaan Pengendalian Pelancongan Dan Perniagaan Agensi Pengembaraan yang masih sah.
- (l) Surat Aku Janji oleh Pengarah Syarikat (Borang BU/2)

3. Tatacara Permohonan

- (a) Syarikat hendaklah menggunakan **Borang Permohonan Tambah Bidang Lesen Perniagaan Pengendalian Pelancongan Luar Negeri Bagi Umrah Atau Ziarah (BU/1)**.
- (b) Borang permohonan yang lengkap disempurnakan berserta dokumen-dokumen sokongan **perlu dikemukakan ke Pejabat MOTAC Negeri** di mana ibu pejabat syarikat didaftarkan .
- (c) Permohonan yang tidak lengkap tidak akan diterima dan diproses.

4. Fi Proses:

- (a) Pembayaran secara manual : **RM100.00** dalam bentuk **Wang Pos / Deraf Bank / Kiriman Wang** sahaja atas nama **PESURUHJAYA PELANCONGAN**

5. Piagam Pelanggan

- (a) 45 hari bekerja dari tarikh permohonan lengkap diterima.

- 6. **Keputusan Permohonan:** Surat keputusan permohonan akan dihantar kepada syarikat melalui pos.

6.1 **Bagi permohonan yang DILULUSKAN:**

Sebelum lesen diserahkan, syarikat hendaklah:

- (a) Menjelaskan fi lesen bagi Ibu Pejabat dan setiap Cawangan (Jika Ada);
- (b) Mengembalikan lesen asal untuk diganti bagi menambahkan bidang lesen yang telah diluluskan.

6.2 **Bagi permohonan yang TIDAK DILULUSKAN:**

- (a) Syarikat boleh mengemukakan rayuan bertulis dalam tempoh 14 hari dari tarikh surat keputusan dikeluarkan. Rayuan hanya boleh dibuat sekali sahaja kerana keputusan rayuan adalah muktamad dan konklusif.
- (b) Mengemukakan **dokumen-dokumen berkaitan** berdasarkan alasan penolakan permohonan.
- (c) Sekiranya rayuan ditolak, syarikat boleh mengemukakan permohonan baharu kepada Pejabat MOTAC Negeri.

7. **Fi Lesen :**

BIL.	JENIS BIDANG	TEMPOH LESEN	FI LESEN (IBU PEJABAT)	FI LESEN (PEJABAT CAWANGAN)
1	Perniagaan Pengendalian Pelancongan Dalam Negeri	1 tahun	RM 250.00	RM 150.00
2	Perniagaan Pengendalian Pelancongan Luar Negeri Selain Umrah Atau Ziarah	1 tahun	RM 500.00	RM 350.00
3	Perniagaan Pengendalian Pelancongan Luar Negeri Bagi Umrah Atau Ziarah	1 tahun	RM 500.00	RM 350.00
4	Perniagaan Agensi Pengembaraan	1 tahun	RM 200.00	RM 100.00

***Rujuk maklumat fi lesen sedia ada di dalam AIP 1992**

8. **Tarikh Kuatkuasa :** Garis panduan ini **berkuatkuasa mulai 1 September 2019**